

MATEMATIK

Kertas 1

Tahun 6

Percubaan UPSR

2013

1 Jam

PENTAKSIRAN SUMATIF 3

UPSR 2013

Nama:

MATEMATIK**Kertas 1****PERCUBAAN UPSR 2013**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAU

MAKLUMAT UNTUK CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi soalan **objektif**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Taip-tiap soalan objektif diikuti oleh tiga pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Bulatkan** jawapan kamu pada kertas soalan yang disediakan.
4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian bulatkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU*Dibiayai oleh:**Kerajaan Negeri Terengganu**Dicetak oleh:**Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.**Tel: 609-66 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Jawab semua soalan

- 1 Apakah nombor asal setelah ditambah $\frac{1}{2}$ juta menjadi 1.75 juta.

A 250 000
B 950 000
C 1 250 000
D 1 870 000

- 2 Rajah 1 menunjukkan suatu garis nombor.



Rajah 1

Berapakah nilai J?

A $\frac{1}{2}$
B $\frac{2}{3}$
C $\frac{3}{4}$
D $\frac{5}{6}$

- 3 Bundarkan RM537.54 kepada ringgit yang terdekat

A RM540.00
B RM538.00
C RM537.50
D RM500.00

- 4 $83\,165 - 12\,600 \div 5 =$

A 14 113
B 14 373
C 80 645
D 81 645

5 Tukarkan 240% kepada nombor pecahan.

A $2\frac{2}{5}$

B $2\frac{4}{5}$

C $\frac{12}{25}$

D $\frac{24}{25}$

6 $40 - 8 \cdot 18 + 6 \cdot 9 =$


A $31 \cdot 82$

B $32 \cdot 51$

C $38 \cdot 72$

D $55 \cdot 08$

7 Rajah 2 menunjukkan jisim sebiji durian di atas sebuah penimbang dan jisim sebiji epal.



Rajah 2

Berapakah bilangan epal yang sama jisim perlu diletakkan pada X supaya penimbang itu seimbang?

A 24

B 93


C 114

D 186

8 $\text{RM}60.45 - 710 \text{ sen} + \text{RM}26.85 =$

- A RM94.40
- B RM80.20
- C RM26.50
- D RM16.30

9 Rajah 3 menunjukkan bilangan guli dalam 4 buah bekas, R, S, T dan U.



Rajah 3

Kesemua guli itu diagih sama banyak kepada 5 orang murid.
Berapakah bilangan guli seorang murid itu dapat?

- A 140
- B 142
- C 175
- D 350

10 Rajah 4 menunjukkan waktu tiba sebuah bas di stesen bas Hentian Putera dari Kemaman pada suatu pagi.



Rajah 4


Bas itu bertolak dari Kemaman pada jam 1250.
Berapakah tempoh masa perjalanan bas itu?

- A 4 jam 20 minit
- B 5 jam 20 minit
- C 7 jam 40 minit
- D 9 jam 0 minit

- 11 Antara yang berikut, yang manakah hasil tolak menjadi lebih daripada 300 apabila dikurangkan daripada 900?

A 592
B 618
C 748
D 826

- 12 Rajah 5 menunjukkan bentangan sebuah bentuk tiga dimensi. Ukuran semua tepinya adalah sama.



Rajah 5


Namakan bentuk tiga dimensi bagi bentangan itu.

A Kon
B Kuboid
C Piramid
D Prisma

- 13 $3\text{ l } 90\text{ ml} + 6 =$

A 515 l
B 0.515 l
C 5.15 l
D 51.5 l

- 14 Rajah 6 ialah sebuah segi empat sama.




Rajah 6

Perimeter seluruh rajah itu ialah 32 cm.
Hitung luas, dalam cm^2 , kawasan yang berlorek.

- A 16
B 32
C 64
D 96
- 15 Encik Ramesh mempunyai 1 930 keping syiling 50 sen. Dia menukarkan 250 keping 50 sen itu kepada wang kertas RM1. Baki wang syiling itu dimasukkan sama banyak ke dalam 7 buah tabung. Berapakah jumlah wang dalam 4 buah tabung itu?
- A RM420
B RM480
C RM840
D RM960
- 16 $5\frac{3}{5} \text{ kg} + 3\,750 \text{ g} =$
- A 4 285 g
B 8 950 g
C 9 100 g
D 9 350 g

- 17 Rajah 7 terdiri daripada beberapa segi empat sama yang sama besar.



Rajah 7

Berapakah pecahan daripada seluruh rajah yang perlu dilorekkan lagi supaya jumlah bahagian berlorek menjadi $\frac{1}{4}$ daripada seluruh rajah?

- A $\frac{1}{2}$
B $\frac{1}{6}$
C $\frac{1}{10}$
D $\frac{1}{12}$
- 18 Azian mendapat 45% betul dalam suatu ujian Matematik. Ujian itu mengandungi 40 soalan aneka pilihan jawapan. Berapakah bilangan jawapan yang dijawab salah oleh Azian?
- A 18
B 22
C 55
D 60

- 19 Rajah 8 menunjukkan sekeping kad soalan matematik.

$$439 + 58 =$$

Rajah 8

Rina diminta oleh gurunya untuk menyelesaikan masalah pada kad itu dengan menggunakan kalkulator. Rina tersilap menekan pada kalkulatornya $459 + 58$.

Apakah yang perlu Rina lakukan untuk mendapatkan jawapan yang betul?

- A Tambah 2
 - B Tolak 2
 - C Tambah 20
 - D Tolak 20
- 20 Jadual 1 menunjukkan masa yang Haziq gunakan pada suatu hari Sabtu.


Jam	Aktiviti
0800 - 1240	Ulangkaji pelajaran
1700 - 1820	Bermain badminton
2030 - 2230	Melayari internet

Jadual 1

Berapakah pecahan masa melayari internet daripada keseluruhan masa semua aktiviti itu?

- A $\frac{1}{6}$
- B $\frac{1}{4}$
- C $\frac{5}{12}$
- D $\frac{7}{12}$

- 21 Rajah 9 menunjukkan sekeping kad nombor.



Rajah 9

Berapakah, dalam nombor bercampur, perlu ditambah kepada nombor pada kad itu supaya menjadi $17\frac{45}{100}$?

- A $15\frac{9}{10}$
B $15\frac{9}{100}$
C $15\frac{99}{100}$
D $15\frac{9}{1000}$
- 22 Jadual 2 menunjukkan jarak lompat 3 orang peserta dalam acara lompat jauh. Jarak lompatan peserta keempat tidak ditunjukkan.


Peserta	Jarak Lompat (m)
1	7.24
2	6.83
3	7.21
4	

Jadual 2

Purata jarak lompat keempat-empat peserta itu ialah 6.8 m. Berapakah jarak lompat, dalam m, peserta keempat?

- A 5.92
B 6.32
C 6.92
D 7.02

- 23 Rajah 10 menunjukkan isi padu air dalam sebuah bekas.




Rajah 10

Isi padu bekas itu ialah 4.25 l .

Berapakah isi padu, dalam l , air yang diperlukan lagi untuk mengisi penuh bekas itu?

- A 2.85
B 3.21
C 3.25
D 5.65
- 24 Rajah 11 terdiri daripada 2 buah segi empat sama J, K dan sebuah segi tiga sama sisi L. RSTU ialah satu garisan lurus.




Rajah 11

Hitung luas, dalam cm^2 , kawasan yang berlorek.

- A 36
B 54
C 72
D 90

- 25 Rajah 12 menunjukkan kedudukan 4 buah sekolah, SK1, SK2, SK3 dan SK4 di sepanjang sebatang jalan raya.




Rajah 12

Jarak antara SK1 dan SK4 ialah 12.4 km. SK2 berada di tengah-tengah antara SK1 dan SK4.

Hitung jarak, dalam km, antara SK2 dan SK3.

- A 2.6
B 6.2
C 8.8
D 9.8
- 26 Rajah 13 menunjukkan bilangan guli dalam dua buah kotak, M dan N.



Rajah 13

Berapakah bilangan guli dari kotak N perlu dimasukkan ke dalam kotak M supaya kedua-dua kotak itu mempunyai sama banyak guli?

- A 39
B 67
C 78
D 95

- 27 Rajah 14 ialah satu piktograf tidak lengkap yang menunjukkan simpanan Azlan dalam tempoh 4 minggu. Jumlah simpanan Azlan untuk minggu keempat tidak ditunjukkan.

Minggu 1	    
Minggu 2	  
Minggu 3	     
Minggu 4	


 mewakili RM24

Rajah 14

Jumlah simpanan Azlan untuk keempat-empat minggu itu ialah RM360. Berapakah bilangan yang perlu dilukiskan untuk minggu keempat?

- A 1
B 2
C 4
D 5
- 28 Din, Daniel dan Amira berkongsi wang sebanyak RM330. Din mendapat $\frac{1}{3}$ daripada wang itu. Daniel mendapat RM30 kurang daripada Amira. Berapakah wang yang Amira dapat?
- A RM20
B RM95
C RM110
D RM125


- 29 Rajah 15 terdiri daripada petak-petak segi empat sama yang sama besar.



Rajah 15

Hitung peratusan kawasan berlorek daripada seluruh rajah itu.

- A 16
B 25
C 36
D 90
- 30 Rajah 16 terdiri daripada beberapa segi tiga sama sisi yang sama saiz.




Rajah 16

Perimeter kawasan berlorek ialah 25 cm.
Berapakah perimeter, dalam cm, seluruh rajah itu?

- A 45
B 75
C 135
D 225

- 31 Rajah 17 menunjukkan sebuah tangki berbentuk kuboid.




Rajah 17

Luas kawasan berlorek ialah 12 m^2 .

Berapakah isi padu, dalam m^3 , 25% daripada seluruh tangki itu?

- A 18
B 36
C 54
D 72
- 32 Hitung tempoh masa dari jam 2240 hingga jam 0210 pada hari berikutnya.
- A $3\frac{1}{2}$ jam
B $4\frac{1}{2}$ jam
C $8\frac{1}{2}$ jam
D $20\frac{1}{2}$ jam
- 33 Seorang peladang menanam 1 600 pokok kelapa sawit. Selepas sebulan, 5% daripada pokok itu telah mati dan dua bulan kemudian 10% daripada baki pokok yang tinggal pula mati.
Hitung bilangan pokok kelapa sawit yang masih hidup.
- A 1 360
B 1 368
C 1 440
D 1 520

- 34 Rajah 18 menunjukkan pecahan murid lelaki dan perempuan di sebuah sekolah. Sekolah itu mempunyai 440 orang murid.




Rajah 18

$\frac{2}{5}$ daripada bilangan murid lelaki adalah sama dengan $\frac{1}{3}$ bilangan murid perempuan.

Berapakah bilangan murid perempuan di sekolah itu?

- A 120
 B 176
 C 240
 D 264
- 35 Rajah 19 menunjukkan sebiji kek lapis berbentuk kuboid yang dibahagikan kepada empat bahagian yang sama besar.



Rajah 19

Bahagian berlerek menunjukkan bahagian kek itu yang telah dimakan. Isi padu kek yang tinggal ialah 480 cm^3 .

Hitung, dalam cm^3 , isi padu asal kek lapis itu.

- A 120
 B 160
 C 640
 D 800

- 36 Jadual 4 menunjukkan senarai harga tidak lengkap bagi empat jenis barang yang dibeli oleh Puan Sheila.

Kuantiti	Barang	Harga seunit
	Syampu	RM8.50
1	Jubah	
1	Radio bimbit	RM180
1	Cerek elektrik	RM135

Jadual 4

Jumlah harga bagi semua barang yang dibeli Puan Sheila ialah RM416.50.

Harga jubah ialah $\frac{1}{2}$ daripada harga sebuah cerek elektrik.

Berapakah bilangan botol syampu yang dibeli Puan Sheila?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4

- 37 Rajah 20 menunjukkan sumbangan kewangan tiga buah Kelab untuk beberapa aktiviti amal.

Kelab Sukan PMINT
RM3 482

Kelab Amanah Raya
RM4 420

Kelab R dan R
RM4 248

Rajah 20

Sebanyak 20% daripada jumlah sumbangan telah diagihkan sama banyak kepada 6 buah rumah anak yatim.

Berapakah jumlah sumbangan untuk semua rumah anak yatim itu?

- A RM2 025
- B RM2 430
- C RM4 050
- D RM9 720

- 38 Jadual 5 menunjukkan kepantasan larian 4 orang peserta dalam acara larian merentas desa.

Peserta	Masa
Adam	24 minit 30 saat
Sam	10 saat kurang daripada Adam
Alvin	12 saat lebih daripada Sam
Kumar	24 minit 25 saat

Jadual 5

Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kedudukan pemenang acara merentas desa itu.

A

Pertama	Adam
Kedua	Sam
Ketiga	Alvin
Keempat	Kumar

B

Pertama	Sam
Kedua	Alvin
Ketiga	Kumar
Keempat	Adam


C

Pertama	Sam
Kedua	Alvin
Ketiga	Adam
Keempat	Kumar

D

Pertama	Sam
Kedua	Kumar
Ketiga	Adam
Keempat	Alvin


- 39 Rajah 21 menunjukkan gabungan 2 buah segi empat sama yang sama besar. RST ialah satu garisan lurus.



Rajah 21

Luas kawasan berlorek ialah 64 cm^2 .
Hitung luas, dalam cm^2 , bagi seluruh rajah itu?

- A 32
B 64
C 104
D 128
- 40 Rajah 22 ialah sebuah carta palang yang menunjukkan bilangan murid di empat buah sekolah di Terengganu.



Rajah 22

75% daripada jumlah murid itu berketurunan Melayu, 15% berketurunan Cina, 6% berturunan India dan selebihnya lain-lain keturunan. Berapakah bilangan murid lain-lain keturunan?

- A 64
- B 96
- C 160
- D 320

KERTAS SOALAN TAMAT